

Cabaran Hafazan Al-Quran Menggunakan Kaedah Tarannum dalam Kalangan Pelajar Tahfiz

Challenges in Quranic Memorization via the Tarannum Approach Among Tahfiz Students

Ahmad Junaidi Che Arifin^{1*}, Amrina Rasyada Kamaruzaman¹, Ahmad Asraff Sanawi Ismail¹, Nur Arina Aisyah Mohd Zeini¹

¹ Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu, 15730, MALAYSIA

*Corresponding Author: padi_ahmad@yahoo.com
DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2025.06.02.005>

Maklumat Artikel

Diserah: 9 Oktober 2025
Diterima: 25 Disember 2025
Diterbitkan: 31 Disember 2025

Kata Kunci

Hafazan al-Quran, tarannum al-Quran, pendidikan tahfiz, cabaran pembelajaran

Abstrak

Kajian ini meneliti cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahfiz dalam proses menghafaz al-Quran menggunakan tarannum. Tumpuan diberikan kepada faktor kognitif, emosi dan teknikal yang mempengaruhi keberkesanan hafazan dalam konteks sistem pendidikan tahfiz yang juga memberi penekanan kepada aliran akademik. Objektif kajian adalah mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi pelajar, menilai peranan tarannum dalam membantu hafazan, serta mencadangkan strategi penambahbaikan untuk hafazan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur bersama dua narasumber pelajar tahfiz. Data dianalisis secara tematik berlandaskan Teori Beban Kognitif dan Teori Penentuan Kendiri. Dapatan kajian menunjukkan pelajar berdepan cabaran utama seperti kekangan masa, gangguan fokus, motivasi yang rendah serta keperluan latihan tambahan dalam penguasaan tarannum. Walaupun tarannum berfungsi sebagai alat bantu ingatan dan meningkatkan minat, namun ia juga menambah beban kognitif kerana pelajar perlu menguasai teknik suara, pernafasan dan irama di samping mengekalkan ketepatan bacaan. Selain itu, faktor dalaman; motivasi, konsistensi, dan emosi, serta faktor luaran; jadual akademik, pengaruh teknologi, suasana persekitaran adalah saling mempengaruhi keberkesanan hafazan. Kesimpulan kajian menunjukkan institusi tahfiz perlu menyediakan modul latihan tarannum berstruktur, sokongan psikologi, strategi pengurusan masa, serta integrasi tadabbur bagi memperkukuhkan keberkesanan hafazan. Kajian ini juga mengisi jurang literatur dengan menekankan peranan tarannum sebagai faktor tambahan yang mempengaruhi hafazan al-Quran, sekali gus membuka ruang untuk kajian masa depan mengenai integrasi tarannum dengan teknologi pembelajaran moden.

Keywords

Tahfiz, Quran memorization, tarannum, Islamic education, student challenges

Abstract

This study examines the challenges faced by tahfiz students in the process of memorizing the Quran using tarannum. Focus is given to cognitive, emotional, and technical factors that influence the effectiveness of memorization in the context of the tahfiz education system, which also emphasizes academic streams. The objectives of the study are to identify the main challenges faced by students, assess the role of tarannum in aiding memorization, and suggest improvement strategies for memorization. This study uses a qualitative approach thru document analysis and semi-structured interviews with two tahfiz student informants. Data were analyzed thematically based on Cognitive Load Theory and Self-Determination Theory. The study findings indicate that students face major challenges such as time constraints, lack of focus, low motivation, and the need for additional training in mastering tarannum. Although tarannum serves as a memory aid and increases interest, it also adds cognitive load because students need to master vocal techniques, breathing, and rhythm in addition to maintaining reading accuracy. Additionally, internal factors such as motivation, consistency, and emotion, as well as external factors like academic schedule, technological influence, and environmental atmosphere, all interact to affect the effectiveness of memorization. The study's conclusion indicates that tahfiz institutions need to provide structured tarannum training modules, psychological support, time management strategies, and tadabbur integration to enhance the effectiveness of memorization. This study also fills a gap in the literature by emphasizing the role of tarannum as an additional factor influencing Quran memorization, thereby opening avenues for future research on integrating tarannum with modern learning technologies.

1. Pendahuluan

Sejak penubuhan Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara pada tahun 1966, pendidikan tahfiz di Malaysia telah melalui satu perkembangan yang pesat dan ketara bin Ahmad et al. (2023). Perkembangan ini bukan sahaja mencerminkan komitmen masyarakat Islam terhadap usaha melahirkan generasi huffaz, tetapi juga menunjukkan bahawa pendidikan tahfiz telah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan negara yang diiktiraf dan dihargai. Kini, pelbagai program tahfiz diwujudkan sama ada di peringkat sekolah menengah mahupun institusi pengajian tinggi, termasuk Tahfiz Ulul Albab, kursus di Darul Quran, serta program Ijazah Pendidikan Tahfiz. Perkembangan ini membuktikan bahawa pendidikan tahfiz telah menjadi pilihan utama dalam usaha melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak serta menjadikan al-Quran sebagai landasan utama kehidupan. Menghafaz al-Quran merupakan satu bentuk ibadah yang sangat mulia dan memerlukan penguasaan tajwid, kekuatan daya ingatan, serta disiplin yang tinggi (Ambo & Mokhsein, 2019). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran utama pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Quran menggunakan tarannum. Kajian ini dijalankan berdasarkan penelitian kepada keupayaan bertarannum di dalam hafazan al-Quran

Namun, apabila pelajar menggabungkan hafazan dengan tarannum, iaitu seni memperindahkan bacaan dengan irama tertentu mengikut kaedah yang betul, mereka berdepan dengan pelbagai cabaran tambahan seperti kawalan nada suara, kestabilan hafalan, serta memastikan makna ayat tidak berubah (Mohd Amiruddin et al., 2024). Walaupun tarannum dapat memperindahkan bacaan serta menarik minat pendengar, ia juga menuntut latihan yang mendalam, kesabaran, serta bimbingan berterusan daripada guru yang berpengalaman (Wan Abdullah et al., 2022). Hal ini menjadikan proses hafazan dengan tarannum lebih kompleks berbanding hafazan biasa kerana pelajar perlu menyeimbangkan antara ketepatan bacaan, kekuatan ingatan, dan keindahan seni suara (Nik Abdullah et al., 2021). Firman Allah SWT dalam Surah al-Hijr ayat 9 menegaskan bahawa al-Quran sentiasa terpelihara daripada sebarang bentuk penyimpangan, antaranya melalui usaha penghafalan yang dilakukan oleh umat Islam sepanjang zaman. Justeru, usaha menghafaz al-Quran dengan tarannum bukan sahaja melibatkan aspek teknikal bacaan, tetapi juga merupakan sebahagian daripada proses pemeliharaan wahyu Allah yang berterusan.

Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Quran menggunakan tarannum turut berkait rapat dengan faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi prestasi mereka. Dari sudut dalaman, pelajar perlu berdepan dengan isu motivasi, konsistensi, dan kemampuan kognitif untuk mengekalkan hafalan dalam jangka masa panjang. Hafazan memerlukan pengulangan berterusan, dan apabila digabungkan dengan

tarannum, pelajar perlu menguasai teknik suara, pernafasan, serta irama yang sesuai dengan ayat-ayat tertentu. Hal ini menambah beban kognitif kerana mereka bukan sahaja perlu mengingat susunan ayat, tetapi juga menyesuaikan hafalan dengan rentak tarannum yang berbeza. Dari sudut luaran pula, faktor seperti jadual akademik yang padat, pengaruh rakan sebaya, serta gangguan teknologi seperti penggunaan telefon pintar sering menjejaskan fokus pelajar (Syed Aziz et al., 2024).

Kajian menunjukkan bahawa kelemahan pengurusan masa dan motivasi yang rendah merupakan antara punca utama pelajar gagal mengekalkan hafazan mereka (Supriyanti et al., 2023). Walaupun begitu, tarannum tetap memainkan peranan penting dalam membantu proses hafazan kerana irama yang teratur dapat berfungsi sebagai alat bantu ingatan (Jasni & Abdul Rahman, 2022). Bacaan yang dilagukan secara merdu bukan sahaja memperindah hafazan, tetapi juga membawa impak rohani yang mendalam kepada pendengar, sekaligus menjadikan proses menghafaz al-Quran sebagai satu pengalaman yang lebih tersusun, bermakna, dan diberkati. Oleh itu, kajian mengenai cabaran pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Quran menggunakan tarannum amat penting untuk memahami realiti semasa pendidikan tahfiz di Malaysia, serta untuk mencadangkan strategi penambahbaikan yang dapat memperkukuhkan penguasaan hafazan dengan tarannum dalam kalangan pelajar (Pangestuti et al., 2025).

2. Kajian Literatur

Kajian berkaitan pendidikan tahfiz di Malaysia menunjukkan perkembangan yang signifikan sejak beberapa dekad kebelakangan ini, selari dengan pertambahan institusi yang menawarkan program hafazan al-Quran di peringkat sekolah menengah, kolej dan universiti. Walaupun pendidikan tahfiz semakin diterima dalam sistem pendidikan arus perdana, pelajar tahfiz masih berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menamatkan hafazan, khususnya apabila proses hafazan digabungkan dengan penguasaan tarannum.

2.1 Pengajian Tahfiz Di Malaysia

Kajian oleh Abdul Latiff dan Jaafar (2024) yang meneliti perkembangan institusi tahfiz di Malaysia mendapati bahawa peningkatan bilangan institusi tahfiz tidak semestinya menjamin keberkesanan pencapaian hafazan pelajar. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa kekangan masa, tahap motivasi pelajar serta kualiti dan komitmen tenaga pengajar merupakan faktor utama yang mempengaruhi kejayaan hafazan. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan pendidikan tahfiz secara kuantitatif perlu diseimbangkan dengan penambahbaikan dari aspek kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Dalam konteks pendidikan tahfiz yang berintegrasi dengan akademik, kajian oleh Ahmad et al. (2022) terhadap pelajar Program Plus Tahfiz di Universiti Teknologi MARA (UiTM) mendapati bahawa sebahagian besar pelajar menghadapi kesukaran menyeimbangkan antara hafazan al-Quran dan tuntutan akademik. Jadual pembelajaran yang padat serta kekurangan bimbingan khusus dikenal pasti sebagai faktor yang menjejaskan keberkesanan hafazan. Keadaan ini menjadi lebih mencabar apabila hafazan digabungkan dengan tarannum, kerana pelajar bukan sahaja perlu mengekalkan ketepatan ayat, malah perlu menguasai irama, nada suara dan teknik pernafasan yang memerlukan latihan tambahan.

2.2 Cabaran Dalam Pengajian Tahfiz

Kajian oleh Sharifah Noorhidayah Syed Aziz (2024) di Universiti Islam Selangor turut menekankan cabaran pelajar dalam menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelemahan pengurusan masa, motivasi yang rendah serta pengaruh rakan sebaya yang negatif menjadi penghalang utama pencapaian hafazan. Kajian ini menegaskan kepentingan sokongan emosi dan suasana pembelajaran yang kondusif dalam membantu pelajar mencapai matlamat hafazan. Dalam konteks tarannum, tahap motivasi yang rendah boleh mengurangkan minat pelajar untuk berlatih teknik suara dan irama, seterusnya menjejaskan penguasaan bacaan bertarannum.

Selain itu, Mohd Hakim Mothar Rijan (2024) mendapati bahawa sebahagian pelajar tahfiz terlalu menumpukan kepada aspek hafazan tanpa memahami makna ayat atau melakukan tadabbur. Keadaan ini mengurangkan penghayatan terhadap al-Quran dan melemahkan daya ingatan jangka panjang. Beliau mencadangkan agar hafazan digabungkan dengan pemahaman ayat bagi menghasilkan hafazan yang lebih kukuh dan bermakna. Dalam konteks tarannum, penghayatan makna ayat amat penting kerana pemilihan irama seharusnya selari dengan maksud dan mesej ayat yang dibaca.

Kajian oleh Zainora Daud dan Muhammad Arif Musa (2022) terhadap pelajar tahfiz separuh masa di Universiti Sains Islam Malaysia pula mendapati bahawa kekangan masa akibat komitmen akademik dan pekerjaan memberi kesan negatif terhadap kualiti dan konsistensi hafazan. Kekurangan sistem sokongan menyebabkan pelajar sukar mengekalkan disiplin dan hafazan jangka panjang. Dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa pengurusan masa merupakan faktor kritikal dalam kejayaan hafazan al-Quran.

Dari sudut keterlibatan pelajar, kajian oleh Fathiyah Mohd Fakhruddin et al. (2023) menekankan bahawa kejayaan hafazan tidak hanya bergantung kepada teknik mengingat semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh tahap penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Disiplin, komitmen dan penglibatan aktif dalam aktiviti pembelajaran dikenal pasti sebagai elemen penting dalam memastikan keberkesanan hafazan, khususnya dalam sistem pendidikan tahfiz yang semakin kompleks.

2.3 Pendekatan Pedagogi Tarannum Dalam Pengajian Tahfiz

Dalam konteks tarannum, kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan irama bacaan yang teratur berpotensi membantu pengingatan ayat al-Quran. Namun demikian, penguasaan tarannum turut meningkatkan beban kognitif kerana pelajar perlu mengawal teknik suara, pernafasan dan nada di samping mengekalkan ketepatan lafaz. Perkara ini selari dengan Teori Beban Kognitif yang dikemukakan oleh Sweller (1988), yang menjelaskan bahawa pembelajaran akan terjejas apabila beban kognitif melebihi kapasiti ingatan manusia.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa cabaran utama pelajar tahfiz melibatkan aspek pengurusan masa, motivasi, disiplin, sokongan guru, keterlibatan pelajar serta beban kognitif yang meningkat apabila hafazan digabungkan dengan tarannum. Walaupun tarannum berpotensi memperkukuhkan hafazan, aspek cabaran penggunaannya masih kurang diberi perhatian dalam kajian terdahulu. Justeru, kajian ini mengisi jurang penyelidikan dengan meneliti secara khusus cabaran pelajar tahfiz di Malaysia dalam menghafaz al-Quran menggunakan tarannum.

2.4 Kerangka Teori

Kerangka teori kajian ini berlandaskan kepada Teori Beban Kognitif (Cognitive Load Theory) yang diperkenalkan oleh Sweller (1988). Teori ini menjelaskan bahawa kapasiti ingatan manusia adalah terhad dan apabila beban kognitif melebihi kemampuan, proses pembelajaran akan terganggu. Dalam konteks hafazan al-Quran menggunakan tarannum, pelajar bukan sahaja perlu mengingat susunan ayat dengan tepat, tetapi juga menguasai irama, nada suara, serta teknik pernafasan yang sesuai. Hal ini menambah lapisan beban kognitif kerana pelajar perlu menyeimbangkan antara ketepatan bacaan dan keindahan seni suara. Jika tidak dikawal dengan baik, beban tambahan ini boleh menyebabkan pelajar hilang fokus, sukar mengekalkan konsistensi hafazan, dan akhirnya menjejaskan keberkesanan pembelajaran. Oleh itu, teori ini membantu menjelaskan mengapa sebahagian pelajar tahfiz menghadapi cabaran besar apabila hafazan digabungkan dengan tarannum, berbanding hafazan biasa yang hanya menekankan aspek pengingatan ayat (Sweller, 1988; Paas & van Merriënboer, 1994). Selain itu, kajian ini turut menggunakan Teori Penentuan Kendiri (Self-Determination Theory) oleh Deci dan Ryan (2000) untuk memahami motivasi pelajar tahfiz. Teori ini menekankan bahawa motivasi manusia terbahagi kepada dua bentuk utama iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar tahfiz merujuk kepada dorongan kerohanian, keinginan mendekatkan diri kepada Allah, serta rasa tanggungjawab menjaga kalam-Nya. Manakala motivasi ekstrinsik pula datang daripada faktor luaran seperti dorongan guru, sokongan rakan sebaya, dan pengiktirafan masyarakat terhadap huffaz. Dalam konteks hafazan dengan tarannum, motivasi intrinsik membantu pelajar mengekalkan kesungguhan walaupun berdepan cabaran teknikal, manakala motivasi ekstrinsik memberi sokongan tambahan untuk mereka terus berusaha. Gabungan kedua-dua teori ini memberikan asas kukuh untuk memahami cabaran pelajar tahfiz, kerana ia menjelaskan bukan sahaja aspek kognitif yang membebankan, tetapi juga faktor motivasi yang mempengaruhi keberkesanan hafazan dengan tarannum (Deci & Ryan, 2000; Ryan & Deci, 2017).

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneroka secara mendalam pengalaman, cabaran serta strategi hafazan al-Quran dan penggunaan tarannum dalam kalangan pelajar tahfiz. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami fenomena yang dikaji secara holistik berdasarkan perspektif responden.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif deskriptif yang menggabungkan analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Reka bentuk ini sesuai untuk mengenal pasti pola, tema serta makna yang tersirat dalam pengalaman pelajar tahfiz berkaitan hafazan dan tarannum.

3.2 Kaedah Kutipan Data

3.2.1 Analisis Dokumen

Kaedah analisis dokumen digunakan bagi mendapatkan gambaran awal dan sokongan teori terhadap isu kajian. Dokumen yang dianalisis merangkumi artikel jurnal, kajian terdahulu serta turut diguna juga buku dan penulisan ilmiah berkaitan hafazan al-Quran dan tarannum.

3.2.2 Temu Bual Separa Berstruktur

Kaedah temu bual separa berstruktur dijalankan ke atas dua orang pelajar tahfiz yang dipilih secara bertujuan (persampelan bertujuan). Pemilihan responden ini berdasarkan kriteria tertentu seperti penglibatan aktif dalam hafazan al-Quran dan pengalaman menggunakan tarannum dalam bacaan.

Temu bual dijalankan secara bersemuka atau dalam talian, menggunakan panduan soalan temu bual yang fleksibel bagi membolehkan responden berkongsi pengalaman, cabaran serta pandangan mereka secara terperinci. Setiap sesi temu bual dirakam dengan keizinan responden dan ditranskripsikan sepenuhnya untuk tujuan analisis.

3.3 Kaedah Analisis Data

Data kajian yang dijalankan ini dianalisis menggunakan analisis tematik. Proses analisis ini melibatkan beberapa langkah sistematik, iaitu:

1. Pembacaan berulang transkrip temu bual bagi memahami keseluruhan data secara menyeluruh.
2. Pengkodan awal iaitu mengenal pasti unit makna berkaitan cabaran hafazan, pengurusan masa, faktor tumpuan, peranan tarannum dan keperluan latihan.
3. Pengelompokan kod kepada tema dan subtema yang mempunyai persamaan makna.

Analisis tematik ini membolehkan pengkaji mengenal pasti pola pengalaman dan strategi yang digunakan oleh pelajar tahfiz secara sistematik dan berfokus.

4. Dapatan Kajian dan Analisis

Kajian ini telah menjalankan temu bual bersama dua orang pelajar tahfiz bagi meneliti cabaran yang mereka hadapi dalam menghafaz al-Quran menggunakan tarannum. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua responden mempunyai latar belakang dan jadual pembelajaran yang berbeza, mereka berdepan dengan cabaran yang hampir sama dari segi pengurusan masa, gangguan fokus, serta keperluan latihan tambahan dalam penguasaan tarannum. Analisis ini akan menghuraikan dapatan temu bual secara terperinci, diikuti dengan perbandingan antara kedua-dua responden, serta implikasi terhadap keberkesanan hafazan al-Quran menggunakan tarannum.

4.1 Cabaran Utama dalam Hafazan

Responden pertama (P1) menyatakan bahawa cabaran utama yang dihadapi ialah mudah hilang fokus serta berdepan dengan ayat-ayat yang sukar. Hal ini memberi kesan kepada kelancaran hafazan hariannya kerana kehilangan tumpuan menyebabkan proses mengingat menjadi lebih perlahan. Responden kedua (P2) pula menekankan cabaran kekangan masa dan masalah konsistensi. Jadual akademik yang padat sering mengurangkan fokus, manakala keletihan fizikal dan mental melemahkan daya ingatan serta menjejaskan hafazan. Analisis menunjukkan bahawa cabaran utama pelajar tahfiz boleh dikategorikan kepada dua dimensi: kognitif (hilang fokus, kesukaran ayat) dan logistik (kekangan masa, konsistensi). Kedua-dua dimensi ini saling berkait kerana kelemahan pengurusan masa boleh meningkatkan tekanan kognitif, sekali gus menjejaskan fokus pelajar.

4.2 Pengurusan Masa Hafazan

Kedua-dua responden menekankan kepentingan masa tertentu dalam hafazan. P1 membahagikan masa hafazan pada waktu selepas Subuh dan selepas Maghrib kerana kedua-dua waktu ini dianggap paling sesuai untuk memberi tumpuan khusus terhadap al-Quran tanpa banyak gangguan. P2 pula mengutamakan hafazan pada waktu pagi kerana minda masih segar, manakala waktu siang dan malam diperuntukkan untuk pelajaran akademik. Analisis menunjukkan bahawa pelajar tahfiz cenderung memilih waktu yang tenang dan bebas daripada gangguan untuk menghafaz, selari dengan kajian lepas yang menekankan kepentingan pengurusan masa sebagai faktor kritikal dalam kejayaan hafazan (Ahmad et al., 2022). Namun, cabaran timbul apabila pelajar perlu menyeimbangkan antara hafazan dan tuntutan akademik, menyebabkan masa untuk murajaah menjadi terhad.

4.3 Faktor yang Mempengaruhi Tumpuan

Responden pertama menyatakan bahawa penggunaan telefon bimbit dan gangguan fikiran yang mudah khayal memikirkan jadual seharian menjadi faktor utama yang menjejaskan tumpuan. Responden kedua pula menekankan bahawa suasana persekitaran yang tenang tanpa gangguan bunyi atau gajet sangat penting untuk mengekalkan fokus. Faktor emosi dan kesihatan juga memberi kesan besar, di mana keletihan atau tekanan

menyukarkan hafazan. Analisis menunjukkan bahawa faktor tumpuan pelajar tahfiz boleh dibahagikan kepada gangguan teknologi, suasana persekitaran, dan keadaan emosi/psikologi. Hal ini selari dengan dapatan kajian Sharifah Noorhidayah (2024) yang menekankan bahawa motivasi rendah dan pengaruh rakan sebaya negatif boleh menjejaskan keberkesanan hafazan. Dalam konteks tarannum, gangguan fokus boleh menyebabkan pelajar sukar mengekalkan konsistensi irama, sekali gus menjejaskan keindahan bacaan.

4.4 Peranan Tarannum dalam Hafazan

Kedua-dua responden sepakat bahawa tarannum membantu proses hafazan. P1 menjelaskan bahawa penggunaan tarannum Rast bersama bacaan murottal membantu memberi kesegaran serta menguatkan ingatan. Tarannum lain juga digunakan untuk menghayati maksud ayat, menjadikan hafazan lebih mendalam. P2 pula menyatakan bahawa tarannum meningkatkan minat dan memudahkan ingatan kerana iramanya yang teratur berfungsi sebagai alat bantu ingatan. Namun, beliau menambah bahawa penekanan berlebihan pada irama boleh mengalih perhatian daripada ketepatan ayat. Analisis menunjukkan bahawa tarannum mempunyai fungsi kognitif (alat bantu ingatan) dan fungsi afektif (meningkatkan minat dan penghayatan). Walaupun begitu, terdapat risiko jika pelajar terlalu menekankan aspek seni suara sehingga mengabaikan ketepatan bacaan. Hal ini selari dengan cadangan Mohd Hakim (2024) bahawa hafazan perlu digabungkan dengan pemahaman ayat agar lebih bermakna.

4.5 Keperluan Latihan dalam Penguasaan Tarannum

Responden pertama berpendapat bahawa penguasaan bacaan murottal serta tarannum boleh dikuasai dengan memperbanyakkan mendengar bacaan para qari dan syeikh yang masyhur. Namun, bagi penguasaan bacaan mujawwad, ia memerlukan latihan tambahan serta bimbingan guru berpengalaman. Responden kedua pula menegaskan bahawa penguasaan tarannum memerlukan latihan tambahan termasuk teknik suara, pernafasan, dan nada. Beliau berpendapat bahawa latihan bersama guru atau latihan berulang sangat penting agar bacaan tarannum dikuasai dengan baik. Analisis menunjukkan bahawa latihan tarannum bukan sahaja memerlukan pengulangan, tetapi juga bimbingan pakar kerana aspek teknikal seperti kawalan suara dan pernafasan tidak dapat dikuasai melalui hafazan semata-mata. Hal ini selari dengan dapatan kajian Fathiyah et al. (2023) yang menekankan kepentingan keterlibatan pelajar dalam proses pembelajaran untuk meningkatkan keberkesanan hafazan.

Jadual 1 Dapatan kajian temu bual pelajar tahfiz

Tema / Faktor	Responden Pertama (P1)	Responden Kedua (P2)
Cabaran Utama dalam Hafazan	Mudah hilang fokus; berdepan dengan ayat-ayat yang sukar.	Kekangan masa dan masalah konsistensi; keletihan fizikal dan mental menjejaskan hafazan.
Pengurusan Masa Hafazan	Hafazan selepas Subuh dan selepas Maghrib kerana waktu lebih tenang dan fokus.	Hafazan pada waktu pagi selepas Subuh; murajaah diselitkan antara jadual akademik.
Faktor yang Mempengaruhi Tumpuan	Gangguan telefon bimbit; fikiran mudah khayal memikirkan jadual seharian.	Suasana persekitaran yang tenang; faktor emosi dan kesihatan (keletihan, tekanan).
Peranan Tarannum dalam Hafazan	Tarannum Rast membantu memberi kesegaran dan menguatkan ingatan; meningkatkan penghayatan.	Tarannum meningkatkan minat dan memudahkan ingatan; tetapi boleh mengalih fokus jika berlebihan.
Keperluan Latihan Tarannum	Mendengar bacaan qari dan syeikh masyhur; memerlukan bimbingan guru untuk bacaan mujawwad.	Latihan tambahan diperlukan termasuk teknik suara, pernafasan, dan nada; latihan berulang bersama guru

5. Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun pelajar tahfiz mempunyai latar belakang dan jadual pembelajaran yang berbeza, mereka berdepan dengan cabaran yang hampir sama dalam proses menghafaz al-Quran menggunakan tarannum. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah isu tumpuan, kekangan masa, keletihan fizikal dan mental serta keperluan latihan tambahan dalam penguasaan tarannum. Cabaran ini dapat

dikategorikan kepada dimensi kognitif dan logistik yang saling berkait di mana kelemahan dalam pengurusan masa berpotensi meningkatkan tekanan kognitif dan seterusnya menjejaskan fokus hafazan.

Dari sudut pengurusan masa, dapatan menunjukkan bahawa pelajar tahfiz cenderung memilih waktu tertentu seperti selepas Subuh dan selepas Maghrib untuk menghafaz kerana suasana yang lebih tenang dan tahap fokus yang lebih tinggi. Namun demikian, keseimbangan antara hafazan dan tuntutan akademik masih menjadi cabaran utama terutama bagi pelajar yang mengikuti program pengajian bersepadu. Dapatan ini selari dengan kajian Ahmad et al. (2022) yang menegaskan bahawa jadual akademik yang padat tanpa pengurusan masa yang sistematik boleh menjejaskan keberkesanan hafazan.

Faktor tumpuan juga dikenal pasti sebagai elemen penting dalam kejayaan hafazan. Gangguan teknologi seperti penggunaan telefon bimbit, suasana persekitaran yang kurang kondusif serta faktor emosi dan kesihatan didapati memberi kesan langsung terhadap keupayaan menghafaz. Dapatan ini menyokong kajian Sharifah Noorhidayah Syed Aziz (2024) yang menekankan bahawa tekanan emosi, motivasi rendah dan persekitaran pembelajaran yang tidak menyokong boleh menjejaskan pencapaian hafazan pelajar tahfiz.

Dalam konteks penggunaan tarannum, dapatan kajian menunjukkan bahawa tarannum berperanan sebagai alat bantu hafazan yang meningkatkan minat, penghayatan dan daya ingatan melalui irama bacaan yang teratur. Walau bagaimanapun, penekanan berlebihan terhadap aspek seni suara berpotensi mengalih perhatian pelajar daripada ketepatan ayat. Perkara ini selari dengan pandangan Mohd Hakim Mothar Rijan (2024) yang menegaskan bahawa hafazan yang berkesan perlu disertai dengan pemahaman makna ayat agar bacaan tidak kehilangan penghayatan dan tujuan sebenar.

Seterusnya, keperluan latihan tambahan dalam penguasaan tarannum turut dikenal pasti sebagai faktor penting. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan tarannum memerlukan latihan berulang, pendedahan kepada bacaan qari yang mahir serta bimbingan guru, khususnya bagi aspek teknikal seperti kawalan suara dan pernafasan. Hal ini menyokong dapatan Fathiyah Mohd Fakhruddin et al. (2023) yang menegaskan bahawa keterlibatan aktif pelajar dan sokongan pedagogi merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan pembelajaran tahfiz.

6. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa pelajar tahfiz berdepan cabaran utama dalam menghafaz al-Quran menggunakan tarannum, khususnya dari aspek fokus, pengurusan masa, faktor emosi, dan keperluan latihan tambahan. Walaupun tarannum terbukti membantu meningkatkan minat, memudahkan ingatan, dan memperindahkan bacaan, ia juga menambah beban kognitif kerana pelajar perlu menguasai teknik suara, pernafasan, dan irama di samping mengekalkan ketepatan ayat. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa kedua-dua responden sepakat mengenai kepentingan tarannum sebagai alat bantu hafazan, namun mereka juga menekankan perlunya latihan berstruktur dan bimbingan guru untuk menguasai aspek teknikal. Secara keseluruhannya, cabaran pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Quran menggunakan tarannum melibatkan gabungan faktor kognitif, emosi, teknikal, dan logistik. Oleh itu, institusi tahfiz perlu menyediakan modul latihan tarannum yang sistematik, sokongan psikologi, serta strategi pengurusan masa yang lebih baik bagi memperkukuhkan keberkesanan hafazan. Kajian ini juga mengisi jurang dalam literatur dengan menekankan peranan tarannum sebagai faktor tambahan yang mempengaruhi keberkesanan hafazan, sekali gus membuka ruang untuk kajian masa depan mengenai integrasi tarannum dengan pendekatan tadabbur dan teknologi pembelajaran moden.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Perisytiharan Penggunaan AI dalam Penyediaan Manuskrip

Penulis menggunakan Chatgpt untuk membantu menterjemah abstrak ke dalam bahasa Inggeris. Semua kandungan yang dihasilkan telah disemak dan disahkan oleh penulis, yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk penyerahan akhir.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **Penulisan artikel**, Ahmad Junaidi Che Arifin, Amrina Rasyada Kamaruzaman, Ahmad Asraff Sanawi Ismail, Nur Arina Aisyah Mohd Zeini; **semakan dan edit**, Ahmad Junaidi Che Arifin, Amrina Rasyada Kamaruzaman. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

Rujukan

- Abdul Latiff, M. I., & Jaafar, N. (2024). Institusi tahfiz di Malaysia: Proses perkembangan dan cabaran. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 54–63.
- Ahmad, M. R., Bahri, S., Wong, M. S. M. A., Ismail, A. T., & Saiman, Z. (2022). Isu dan cabaran pelajar Plus Tahfiz dalam mengekalkan hafazan al-Quran di UiTM. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2), 27–36.
- Fathiyah, M. F., Rahman, N. A., & Salleh, M. S. (2023). Student learning engagement in tahfiz education in Malaysia. *Journal of Islamic Education Studies*, 12(1), 45–60.
- Mohd Hakim Mothar Rijan. (2024). Kajian penghayatan hafazan al-Quran. [Unpublished manuscript].
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019, April 7). AL-KAFI #1194: Hafal atau faham dahulu dalam menuntut ilmu.
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz. (2024). Cabaran pelajar tahfiz dalam menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran. [Unpublished manuscript].
- Sweller, J. (1988). Cognitive load during problem solving: Effects on learning. *Cognitive Science*, 12(2), 257–285.
- Zainora, D., & Muhammad Arif, M. (2022). Cabaran pelajar tahfiz separuh masa di USIM. *Malaysian Journal of Islamic Studies*, 5(2), 77–89.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2017). *Self-determination theory: Basic psychological needs in motivation, development, and wellness*. Guilford Press.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American Psychologist*, 55(1), 68–78.
- Paas, F., & van Merriënboer, J. J. G. (1994). Variability of worked examples and transfer of geometrical problem-solving skills: A cognitive-load approach. *Journal of Educational Psychology*, 86(1), 122–133.
- Ahmad, M. R., Bahri, S., Wong, M. S. M. A., Ismail, A. T., & Saiman, Z. (2022). Isu dan cabaran pelajar Plus Tahfiz dalam mengekalkan hafazan al-Quran di UiTM. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2), 27–36.
- bin Ahmad, M. H. A. S., bin Baharuddin, A. M., & Mohamad, K. A. (2023). Peranan Haji Hassan Ismail dalam Pengajian Tahfiz al-Quran di Malaysia: Haji Hassan Ismail's Role in Quranic Memorization in Malaysia. *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 19(1), 144–156.
- Noraziahtulhidayu, K. (2024). Learning Through Mobile Taranum; The Analysis and The Acceptance. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 5(2), 14–26.
- Jasni, N., & Rahman, M. A. (2022). Implementation of Neuro Nadi Method In Al-Qur'an Studies In Brunei: Implementasi Kaedah Neuro Nadi dalam Pengajian Al-Qur'an di Brunei. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 3(1), 29–34.
- Supriyanti, I., Nuraini, R., Su'aidi, M. Z., Chasanah, I., Qomariyah, D. L., & Marpuah, S. (2023). Pendekatan Al-Quran bagi Hubungan Tidur Tengahari dengan Pembinaan Akhlak: Kajian Kes di PPTQ Rodliyanat Mardiyah: Quranic Approach for Brief Nap and Its Relations with Moral Development: A Case Study at PPTQ Rodliyanat Mardiyah. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 4(1), 1–9.
- Ambo, N. F., & Mokhsein, S. E. (2019). Trend and issue in learning strategy of Tahfiz model ulul albab (TMUA). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(7), 1418–1426.
- Abdullah, N. M. S. A. N., Ab Rahim, F. N. B., & Isa, R. A. A. B. M. (2021). Exploring the challenges of sustaining Qur'anic memorization: A case study. *Journal of Islamic Educational Research*, 6(1), 1–17.
- Abdullah, W. H. W., Mohamad, W. F. R. W., Razali, A. S. M., & Zakaria, F. I. (2022). Component of Sawt in Hadeeth Texts: Musiqi al-Quran in the Art of Tarannum. *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*, 7(2), 68–77.
- Aziz, S. N. S., Baharudin, L., & Suhaimi, M. S. (2024). Cabaran Pelajar Tahfiz dalam menamatkan hafazan 30 juzuk: Kajian Kes di Universiti Islam Selangor: The Challenge of Tahfiz Students in completing the memorization of 30 constituents: A Case Study at Selangor Islamic University. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan isu-isu kontemporari*, 7(2), 27–40.
- Pangestuti, K. D., Misbah, M., & Miftah, M. (2025). *Echoing in Memory: Musicalization as an Effective Strategy for Enjoyable Hadith Memorizing*. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan*, 19(5), 2620–2637.